



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

JPA.BK(S)173/18 Jld.25 (14)

9 Januari 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

**PEMANJANGAN KEMUDAHAN PERUBATAN KEPADA IBU BAPA  
PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE)  
WARGANEGARA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan sedia maklum, dasar dan peraturan berkaitan kemudahan perubatan yang layak diberi kepada pegawai lantikan secara kontrak (*Contract of Service atau COS*) telah dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*).
3. Pekeliling tersebut menjelaskan bahawa pegawai lantikan secara kontrak (COS) warganegara layak diberi kemudahan rawatan perubatan

percuma di hospital dan klinik Kerajaan samada untuk diri sendiri dan ahli keluarga tetapi tidak termasuk ibu bapa.

4. Bagi menambahbaik kemudahan yang telah diterima oleh pegawai lantikan secara kontrak (COS) serta mengambil kira keperluan pelantikan secara kontrak dalam sektor Kerajaan untuk diteruskan, Kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan kemudahan perubatan kepada ibu bapa pegawai lantikan secara kontrak (COS) warganegara sebagai mengiktiraf peranan dan sumbangan pegawai kontrak dalam perkhidmatan awam.


5. Selaras dengan hasrat tersebut, peraturan dan tatacara pelaksanaan kemudahan perubatan bagi ibu bapa pegawai lantikan secara kontrak (COS) warganegara ini hendaklah dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019.

6. Tertakiuk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua pegawai lantikan kontrak Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)

**s.k.:**

Semua Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan